

24 OCT 1997

CHOGM-Media

MEDIA BRITISH KEMUKA 20 PERMOHONAN UNTUK TEMUI DR MAHATHIR

Oleh: Wan Ahmad Hulaimi

EDINBURGH, 24 Okt (Bernama) -- Para wakil media British setakat ini mengemukakan 20 permohonan untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang berada di sini untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Ketibaan Dr Mahathir telah ditunggu-tunggu oleh media di sini kerana Perdana menteri tidak dapat menghadiri persidangan perniagaan di London Rabu lalu kerana menghidap selesema.

Ketika berucap kepada penuntut di sini semalam selepas menerima Fellowship Kehormat Royal College of Physicians, Dr Mahathir berkata berdiam diri ketika Ringgit Malaysia diserang hebat melalui penjualan oleh spekulator ialah seperti duduk diam dalam kandang harimau dengan harapan tidak akan menjadi mangsa haiwan itu.

Dalam ucapannya pada mesyuarat CHOGM, Dr Mahathir dijangka menyentuh mengenai ketidaksamaan ekonomi dunia dalam menghadapi "liberalisasi perdagangan dunia.

Seperti biasa, media di sini mencari tanda-tanda timbulnya isu kontroversi yang menyelubungi CHOGM, yang kini diadakan balik di Britain selepas 20 tahun. Sebelum mesyuarat bermula, tanda-tanda penyingkiran Nigeria, yang keanggotaannya kini digantung mula terbayang.

Tetapi tanda-tanda itu nampaknya hilang apabila Kumpulan Tindakan Menteri Komanwel (CMAG) bersetuju memberi tempoh hingga Oktober kepada Nigeria bagi mengembalikan keadaan seperti sediakala di negara itu.

CMAF secara khusus memperjuangkan kewujudan kerajaan yang menghormati demokrasi dalam Komanwel dan mengembalikan kerajaan yang sah atas nama demokrasi, dan mengadakan pilihan raya bebas Wakil Malaysia dalam jawatankuasa itu ialah bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam.

Britain dan Kanada difahamkan ialah dua negara yang paling kuat memperjuangkan penyingkiran Nigeria dalam jawatankuasa itu sementara Malaysia dan negara-negara Afrika mahu supaya mesyuarat tidak mengambil tindakan lanjut sehinggalah Oktober bagi memberi peluang kepada Nigeria mengadakan pilihanraya.

Nigeria sebelumnya mengancam untuk menghadiri CHOGM tanpa diundang untuk menyuarakan pandangannya tetapi anggota-anggota CMAG berpendapat bahawa mereka telahpun mendengar pandangan Nigeria apabila satu delegasi tiba di sini tahun lalu dan apabila anggota-anggota CMAG berada di Nigeria.

Perkembangan di Nigeria nampaknya membayangkan bahawa pemimpin tentera negara itu cuba menghalalkan tindak-tanduk mereka dengan menyusun semula parti-parti politik untuk membolehkan mereka memasuki politik melalui pilihan raya secara sah. -- BERNAMA

WAN FAZ